



Rujukan Kami : BTPNJOH/8873/1/9(03)
Tarikh : 12 Julai, 2015.

**Pengetua/Guru Besar,
Sekolah-Sekolah Negeri Johor.**

Tuan,

**PENARAFAN PEMBESTARIAN SEKOLAH BERDASARKAN
SMART SCHOOL QUALIFICATION STANDARDS (SSQS) BAGI TAHUN 2015**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Merujuk kepada Surat Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, KP(BTP-PPSB)8817/3/4 Jld.3(6) bertarikh 26 Jun, 2015 bahawa pelaksanaan dan pemantauan penarafan pembestarian sekolah, yang dilaksanakan secara dalam talian akan bermula mulai 6 Julai hingga 30 Ogos, 2015.

3. Sehubungan dengan itu, semua sekolah di negeri Johor hendaklah memulakan penarafan ini bermula daripada 26 Julai, 2015 hingga 30 Ogos, 2015 merujuk kepada jadual berikut:

Kumpulan	Daerah	Tarikh Penarafan
A	Muar Ledang Segamat Mersing Kota Tinggi Kluang	26/07/2015 hingga 13/08/2015
B	Batu Pahat Pontian Kulaijaya Johor Bahru Pasir Gudang	14/08/2015 hingga 30/08/2015

4. Penarafan ini boleh dilaksanakan di alamat web berikut:

<http://btpnjoh.moe.edu.my/ssqsv3/>

5. Sila rujuk Penyelaras SSQS Sekolah iaitu Guru Pembestarian Sekolah atau Guru Penyelaras ICT sekolah tuan untuk tindakan lanjut mengenai tatacara pengisian. GPB/GPICT akan ditaklimatkan oleh pihak Pusat Kegiatan Guru sebelum penarafan ini dilaksanakan di sekolah.



BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
JALAN HANG JEBAT, TAMAN SKUDAI BARU
81300 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TAKZIM



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel : 07-588 1893
Faks : 07- 556 6605
Laman Web: www.btpnjoh.moe.edu.my

6. Sebarang pertanyaan sila rujuk Pusat Kegiatan Guru berhampiran atau urusetia SSQS Negeri Johor, En. Abu Saifuddin bin Hj Abu Hanipah, 07-5581893 sambungan 157.

Sekian untuk makluman tuan. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“SALAM MUAFAKAT JOHOR”

Saya yang menurut perintah,


(DATIN CHE NORMADIAH BINTI HJ CHE ABBAS)

Ketua Penolong Pengarah,

Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor.